

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : TUAN WAN RAZALI BIN WAN NOR
[KUANTAN]
TARIKH : 17 OKTOBER 2023 (SELASA)

SOALAN

Tuan Wan Razali Bin Wan Nor [Kuantan] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan status terkini perkembangan projek Laluan Rel Pantai Timur (ECRL) :-

- a. bilangan syarikat tempatan dan syarikat luar yang terlibat dalam projek ECRL; dan
- b. adakah terdapat implikasi kewangan tambahan yang terkini bagi projek ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga bulan Ogos 2023, pembinaan keseluruhan projek ini telah mencapai kemajuan sebanyak 50.29% dan tahun 2023 ini merupakan tahun puncak pembinaan Projek Laluan Rel Pantai Timur (ECRL) melibatkan kerja-kerja struktur utama seperti pemasangan rasuk (*beam launching*), pembinaan stesen dan pemasangan landasan (*track laying*). Pada masa ini, kerja-kerja pembinaan seperti pembinaan jambatan yang menggunakan jentera *beam launcher*, kerja-kerja pengorekan, kerja-kerja struktur dan pembinaan terowong sedang giat dijalankan di sepanjang jajaran ECRL.

2. Kerja-kerja pengorekan terowong menggunakan kaedah *Tunnel Boring Machine* (TBM) untuk Terowong Genting pertama telah mencapai 3.10km manakala Terowong Genting kedua telah mencapai 4.29km. Jumlah panjang bagi setiap Terowong Genting ialah 16.39km dan ianya merupakan satu-satunya terowong berkembar bagi projek ECRL. Selain itu, sejumlah 25 terowong telah berjaya ditembusi setakat 25 Ogos 2023 termasuk 21 terowong di Seksyen A (Kota Bharu – Dungun) dan Seksyen B (Dungun – Temerloh) manakala baki 4 terowong adalah di bawah Seksyen C (Temerloh – Pelabuhan Klang).

3. Kerja-kerja pelancaran rasuk (*beam launching*) juga telah bermula di tujuh (7) lokasi iaitu Kota Bharu di negeri Kelantan, Bandar Permaisuri, Kuala Terengganu, Dungun, Kemasik di negeri Terengganu serta Kuantan dan Paya Besar di negeri Pahang dengan sejumlah 1,100 dari 4,328 rentang jambatan (*bridge span*) telah siap dipasang.

4. Ahli Yang Berhormat, kontraktor utama projek ECRL adalah China Communications Construction Sdn Bhd (CCC-ECRL) yang juga merupakan kontraktor Kejuruteraan, Perolehan, Pembinaan dan Pentauliahan (*Engineering, Procurement, Construction and Commissioning – EPCC*). Sehingga 31 Ogos 2023, pihak kontraktor utama telah melantik pelbagai syarikat tempatan yang secara

NO. SOALAN: 6

keseluruhannya berjumlah 2,785 syarikat terdiri daripada subkontraktor, konsultan, pembekal serta pemberi perkhidmatan.

5. Berdasarkan Perjanjian Tambahan No. 6 (*Supplementary Agreement No.6*) yang telah ditandatangani pada 2 Jun 2022, kos bagi pembinaan projek ECRL dari Kota Bharu, Kelantan sehingga ke Pelabuhan Klang di Selangor dengan jajaran sepanjang 665km serta 20 buah stesen (penumpang dan kargo) di empat negeri iaitu Kelantan, Terengganu, Pahang dan Selangor masih kekal dengan jumlah RM50.27 bilion.

6. Pihak Malaysia Rail Link Sdn Bhd (MRL) sentiasa memberi perhatian terhadap sebarang perubahan yang boleh mengakibatkan peningkatan kos bagi keseluruhan projek ECRL.

Sekian, terima kasih.